

19 JAN 1999

Mahathir-Sokongan

MAHATHIR TERHARU DENGAN SOKONGAN RAKYAT

KUALA LUMPUR, 19 Jan (Bernama) -- Lebih 40,000 orang mengunjungi rumah terbuka Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di kediaman rasminya Sri Perdana di sini, hari ini, bukan sahaja untuk mengucapkan Selamat Hari Raya tetapi juga untuk menyatakan sokongan mereka kepada beliau.

Rakyat Malaysia dari pelbagai lapisan masyarakat tidak putus-putus mengunjungi rumah terbuka tahunan itu yang diadakan dari pukul 10 pagi hingga 5.30 petang, yang diselangi dengan rehat waktu makan tengah hari.

Dr Mahathir berkata, "bukan seperti rumah terbuka Hari Raya pada tahun-tahun sebelum ini, ramai yang datang hari ini untuk menyatakan sokongan mereka kepada saya dan kerajaan Barisan Nasional (BN)".

Bercakap kepada pemberita kemudian, Dr Mahathir berkata ada antara mereka mengucapkan terima kasih kepada beliau kerana menyelamatkan negara.

"Sehinggakan seorang daripada mereka berkata "Terima kasih kerana menyelamatkan negara daripada hantu-hantu." Saya tidak tahu siapa hantu-hantu yang dimaksudkan itu tetapi itulah apa yang mereka katakan," kata beliau.

Dr Mahathir berkata terdapat sokongan besar daripada rakyat pelbagai lapisan yang datang ke rumahnya hari ini.

"Saya menjangkakan sedikit sokongan tetapi bukan sokongan sebanyak ini dan tahun ini mereka bukan sahaja berjabat tangan (dengan saya) tetapi juga meluahkan perasaan mereka," kata beliau apabila ditanya sama ada sokongan itu diluar dugaan beliau.

Dr Mahathir berkata, mereka nampaknya "senang hati dengan tindakan kerajaan (dalam memulihkan ekonomi negara).

Perdana Menteri berkata, beliau pada awalnya meramalkan tidak ramai pengunjung tahun ini memandangkan ada yang mungkin beranggapan akan berlaku rusuhan.

"Tapi nampaknya mereka tidak apa-apa... Nampak tahun ini (bilangan orang yang mengunjungi rumah terbuka adalah) luar biasa dan mereka semasa bersalam, menyatakan sokongan," kata beliau.

Ditanya sama ada sokongan itu petanda baik, Dr Mahathir berkata: "Saya berpendapat ia menggalakkan. Ia tanda sokongan kepada kerajaan."

Ditanya sama sokongan itu baik bagi BN, khususnya memandangkan pilihan raya umum akan diadakan tidak lama lagi, Perdana Menteri berkata: "Ia memang baik tetapi tidak bermakna kita perlu mengadakan pilihan raya tahun ini."

Ditanya oleh seorang pemberita Jepun akan hajat Tahun Barunya, Dr Mahathir berkata beliau berharap Malaysia akan terus aman seperti selama ini dan ekonomi negara akan terus pulih.

Antara yang paling awal untuk mengucapkan "Selamat Hari Raya" kepada Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri Datin Seri Endon Mahmood.

Pemimpin-pemimpin parti politik, termasuk presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu dan Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang turut mengucapkan selamat Hari Raya kepada Perdana Menteri.

Kawalan keselamatan agak ketat di kediaman Perdana Menteri tetapi bilangan pengunjung begitu ramai sehinggakan ada yang pengsan di tengah kesesakan dan terpaksa dibantu oleh rakan dan anggota keluarga.

Rumah terbuka itu merupakan aturcara tahunan yang diadakan oleh Perdana

Menteri dan isteri dengan orang ramai boleh mengunjungi mereka dan menikmati pelbagai juadah Hari Raya.

Ramai yang hadir di rumah terbuka itu berkata mereka mahu melihat Dr Mahathir secara peribadi untuk menyatakan sokongan kepadanya.

Seorang guru, Sabidah Madon, 37, yang datang bersama suami dan lima orang anaknya berkata beliau datang untuk menunjukkan sokongan kepada Dr Mahathir.

"Saya sangat gembira kerana mendapat peluang untuk "bersalam" dengan Perdana Menteri. Dan ini merupakan pertemuan pertama dengan PM," kata beliau.

Sementara itu dua warga Scotland berkata mereka melalui pengalaman yang sukar dilupakan selepas dinasihatkan oleh seorang pemandu teksi untuk melawat rumah terbuka Perdana Menteri.

Damien Quigg, 28, yang berada di Malaysia kerana urusan perniagaan dan percutian berkata beliau bernaib baik untuk bertemu dengan Dr Mahathir.

"Saya mempunyai banyak penghormatan kepada Perdana Menteri anda," kata beliau.

Quigg berkata beliau kagum melihat begitu ramai orang daripada pelbagai kaum berbaris untuk bertemu Perdana Menteri dan di Britain tiada rumah terbuka seperti di sini.

Jim Ganley, 26, yang bercuti di Malaysia berkata beliau sudah merancang untuk melawat Dr Mahathir sebagai sebahagian daripada aturcara lawatannya di negara ini.

Surirumah Sitadevi Ram Khaelawan berkata ini lawatan pertama beliau ke Sri Perdana dan beliau berasa bertuah untuk bertemu Perdana Menteri dan isteri yang beliau sangat sanjungi

"Beliau pemimpin terbaik," kata beliau.

Ejen Insurans, Amy Foong, dan rakannya Yimy Leong, 24, berkata mereka gembira kerana mendapat peluang untuk bersalaman dengan Dr Mahathir.

"Saya gembira dan bertuah kerana dapat bertemu dengan Perdana Menteri dan isteri," kata kerani Akaun Koh York Hwan.

-- BERNAMA

ES JA KGO AR